

Universiti perlu tumpu pengkhususan cipta *um - 23/9/2006* kecemerlangan

CYEBRJAYA, 22 Sept. – Universiti tempatan hendaklah memfokuskan mengenai bidang pengkhususan terutamanya yang berkaitan saintifik untuk menjadi institusi kelas dunia menjelang 2020, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, universiti mestilah menjalankan lebih banyak penyelidikan saintifik untuk kebaikan dan mengrevolusikan cara kehidupan manusia.

“Universiti tidak lagi dapat memfokuskan mengenai bidang am tetapi cemerlang dalam bidang pengkhususannya supaya ia boleh menjadi pusat penyelidikan dan rujukan untuk bidang tertentu dunia,” katanya semasa memberikan ceramah mengenai *Universiti Dalam Wawasan 2020* di Universiti Multimedia, di sini.

Universiti mestilah menukar mindanya daripada hanya mengeluarkan graduan tetapi menjadi pusat kecemerlangan untuk bidang pengkhususannya, kata beliau.

“Universiti dalam 2020 mestilah dimajukan selaras dengan pembangunan negara,” kata beliau.

Dengan pendekatan itu, Dr. Mahathir berharap penerima hadiah Nobel Laureatte yang pertama di negara ini dapat dikeluarkan menjelang 2020.

Bercakap kepada pemberita kemudian, beliau berkata, lebih banyak usaha hendaklah dijalankan oleh Vatican dalam memulihkan hubungannya dengan dunia Islam berikutan dengan kenyataan Pope Benedict XVI yang menghina masyarakat Islam minggu lepas.

Di sebaliknya, dunia Islam boleh bertindak mengenai komen itu tetapi tidaklah sampai membakar kedutaan, kata beliau.

Dr. Mahathir diminta mengulas mengenai reaksi seluruh dunia mengenai kenyataan Pope itu yang memberikan contoh bahawa satu teks abad pertengahan yang memaparkan sesetengah ajaran Nabi Muhammad sebagai “syaitan dan tidak berperikemanusiaan” khasnya perintahNya untuk menyebarkan kepercayaan dengan pedang.